

**TALKING POINTS DATUK PEGUAM CARA NEGARA**

**BENGKEL ANALISIS PERSEKITARAN SEMASA**

**PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)**

**JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC)**

**TARIKH: 29 MAC 2022 (SELASA)**

**MASA: 9.30 PAGI**

**TEMPAT: HALL 10, PICC**

**PRESINT 4, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Yang Berbahagia, Datuk Tay Lee Ly, Ketua Bahagian Penyelidikan merangkap Timbalan Penasihat, Projek pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) AGC;
2. Yang Berusaha, Puan Siti Sapura Raffee, Ketua Perunding, MAMPU;
3. Yang Berusaha Dr./Tuan/Puan, para peserta Bengkel Analisis Persekitaran Semasa, Pelan Strategik Pendigitalan yang dihormati sekalian.

4. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama hadir pada pagi ini untuk bengkel yang bakal menjadikan suatu panduan kepada kita pada masa depan.
  
5. Ini merupakan aktiviti pertama saya di Jabatan Peguam Negara (AGC) berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) selepas dilantik sebagai Peguam Cara Negara. Namun begitu, ICT bukanlah satu bidang yang asing bagi saya kerana sepanjang bertugas di AGC mahupun di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, pelbagai perkhidmatan ICT dan sistem aplikasi disediakan untuk diguna pakai dalam menjalankan tugas harian. Tambahan pula, negara kita sedang menuju ke arah negara digital dengan melaksanakan berbagai-bagai inisiatif ICT untuk rakyat. Pengenalan Dasar Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) MyDigital merupakan satu petanda bahawa negara sedang rancang menyusun langkah untuk menempuh era digital yang semakin mencabar.
  
6. Dasar dan rangka tindakan ini diwujudkan oleh Kerajaan bagi memastikan setiap pihak dapat melalui cabaran pendigitalan pada masa hadapan dengan tersusun. Ia digarap secara strategis supaya semua perancangan yang dibuat adalah teratur dan dapat diikuti oleh semua pihak berkepentingan.

7. Justeru, sebagai sebuah agensi perundangan terulung di negara ini, AGC tidak terkecuali dan akan bertindak seiring dalam mencapai aspirasi pendigitalan negara melalui Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) AGC. Saya percaya kehadiran Yang Berbahagia Datuk, Yang Berusaha Dr.,Tuan/Puan ke bengkel pada hari ini, mempunyai tujuan yang sama iaitu menyediakan satu pelan pendigitalan yang komprehensif bagi tempoh empat (4) tahun akan datang dan menyusun strategi agar perancangan yang dibuat dapat direalisasikan dengan jaya dan berkesan.
8. Saya difahamkan bahawa PSP AGC ini akan merangka program-program yang bersesuaian untuk mencapai visi dan misi pendigitalan AGC.
9. Semasa bengkel ini, pastinya semua isu dan cabaran yang kita lalui di AGC sepanjang lima (5) tahun kebelakangan ini, telah pun kita kumpulkan melalui borang-borang yang telah diisi oleh pihak *Subject Matter Experts* (SME) dan pegawai-pegawai ICT. Segala input yang diterima akan dianalisis dan dalam masa yang sama, kita boleh ambil peluang untuk menyelesaikannya melalui pendigitalan.

**10.** Justeru, saya sangat berharap semua Pegawai Undang-Undang dan semua warga AGC dapat menggunakan ruang semasa bengkel ini untuk membincangkan secara mendalam keperluan AGC khususnya mengadaptasi pendigitalan dalam tugas harian dan akhirnya mencapai perkhidmatan yang lebih baik untuk AGC.

*“the rakyat as a whole will come together in driving the 4IR (four I - R) agenda towards national development, so that all Malaysians will be able to enjoy the benefits of a brighter tomorrow, through the application of technology”* – Mantan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin.

**11.** Sehubungan dengan itu, saya juga menyeru semua warga AGC tanpa mengira latar belakang skim perkhidmatan agar meningkatkan pengetahuan dalam bidang masing-masing dengan menyesuaikan diri dalam persekitaran teknologi kerana ia merupakan masa depan kita bersama.

**12.** Kita tidak boleh lari daripada menggunakan teknologi. Kepada Pegawai Undang-Undang, teruskan untuk membiasakan diri dengan teknologi dalam tugas teras masing-masing, manakala bagi pegawai yang terlibat dengan ICT, sila teroka perkara-perkara baharu untuk penyediaan persekitaran digital terkini di AGC.

**13.** Dengan harapan tersebut dan kalimah Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Bengkel Analisis Persekitaran Semasa, Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Peguam Negara Malaysia.

**14.** Sekian, terima kasih.

Tamat